

**TEKS UCAPAN NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
SEMPENA**

**MAJLIS PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA IPT  
MALAYSIA KALI KE-24, PADA 1 NOVEMBER 2014 DI DEWAN GEMILANG,  
DARULAMAN GOLF COUNTRY RESORT, JITRA, KEDAH.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia  
**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dato' Halimah Hassan**, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia,

**Yang Berbahagia Prof Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood**, Pengerusi Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM),

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP merangkap **Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pertandingan Debat Alam Sekitar IPT Malaysia kali ke-24**,

Pegawai-pegawai utama universiti

Peserta-peserta Pertandingan Debat Alam Sekitar,

Seterusnya para pelajar yang saya sayangi sekalian.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat berhimpun di hari yang berbahagia ini ntuk bersama-sama menghadiri **MAJLIS PERTANDINGAN AKHIR DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA IPT MALAYSIA KALI KE-24**.

2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak **Jabatan Alam Sekitar** (JAS) kerana telah memilih dan memberikan kepercayaan kepada UniMAP untuk menjadi tuan rumah pada kali ini.
3. Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada jawatankuasa pelaksana kerana telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran perjalanan sepanjang pertandingan ini berlangsung. Hanya Allah yang mampu membalas jasa baik anda semua.

Hadirin yang dihormati sekalian

### **PERTANDINGAN DEBAT ALAM SEKITAR ANTARA IPT**

4. Seperti yang kita sedia maklum, pelbagai fenomena bumi yang sering berlaku di masa kini. Bencana alam seperti ribut, puting beliung, jerubu, tanah runtuh serta isu pemanasan global berlaku tanpa diundang. Konflik manusia dan kaitan alam sekitar ini sebenarnya tidak boleh dielakkan.
5. Demi untuk memastikan survival ketamadunan manusia, komitmen yang tinggi amatlah diperlukan dalam usaha untuk mendidik serta menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar supaya kita mampu menangani aktiviti yang menggugat kestabilan ekologi bumi. Saya melihat kesungguhan pihak JAS dalam menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar termasuk menganjurkan Pertandingan Debat Alam Sekitar di peringkat institut pengajian tinggi ini amatlah baik dan harus diteruskan pada masa akan datang.
6. Saya difahamkan pertandingan debat ini pertama kali diadakan pada tahun 1991 di mana Universiti Putra Malaysia dipilih menjadi tuan rumah. Dengan menggunakan sistem kalah mati, pertandingan tersebut

hanya disertai 8 pasukan dari beberapa buah IPTA seluruh negara. Kini setelah 24 tahun penganjurannya, pertandingan ini semakin menarik minat mahasiswa sehingga berjaya menarik penyertaan melebihi 30 buah pasukan dari IPT. Syabas diucapkan kepada JAS dan seluruh sekretariat MADUM khususnya.

Hadirin dan hadirat sekalian

### **KONFLIK ALAM SEKITAR DAN MANUSIA, TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN KITA SEMUA**

7. Pelbagai usaha perlu terus dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan pergantungan antara manusia dan alam ini dapat dikekalkan dalam bentuk yang cukup harmoni dan terancang. Keperluan untuk mengejar kemajuan dan pembangunan menyaksikan banyak kawasan-kawasan hutan telah ditebang bagi memenuhi matlamat. Maka di sinilah peranan kita sebagai pentadbir untuk memastikan segala aktiviti dilangsungkan dengan keadaan yang cukup terkawal dan tidak merosakkan alam sekitar yang kita sayangi.
8. Sesungguhnya isu alam sekitar ini bukan lagi milik sesebuah negara sahaja malah ia merupakan global yang harus diambil berat oleh setiap manusia di dunia ini. Setiap yang berlaku melibatkan alam sekitar akan memberikan kesan kepada semua tanpa mengira negara sebagai contohnya jerubu yang melanda negara kita baru-baru ini, semuanya berpunca dari aktiviti pembakaran terbuka yang berlaku di Indonesia.
9. Pada masa yang sama, isu alam sekitar seperti ini pemanasan Global dan Banjir Kilat mampu untuk menjejaskan aktiviti ekonomi serta kesihatan rakyat sesebuah negara yang terlibat. Semoga idea-idea pemikiran kritis yang diutarakan oleh semua pendebat pada tahun ini mampu untuk menjadi pemangkin kepada pihak yang bertanggungjawab untuk terus mengadakan penyelidikan dan inovasi-

inovasi baru dalam memastikan alam sekitar kita terus terpelihara dan terjaga.

Hadirin dan hadirat sekalian

## **PENUTUP**

10. Sebagai penghujung bicara, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa UniMAP sentiasa menyokong segala usaha pemeliharaan alam sekitar. Hal ini kerana, tugas ini bukan semata-mata tugas JAS, tetapi juga tugas dan tanggungjawab semua. Saya berharap agar kerjasama antara UniMAP, MADUM dan JAS akan diteruskan pada masa yang akan datang.
11. Sekali lagi saya bagi pihak UniMAP, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak JAS, Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar melalui MADUM atas kesudian memilih UniMAP sebagai tuan rumah untuk pertandingan debat alam sekitar kali ke 24 tahun 2014.
12. Dikesempatan ini saya ingin memohon ampun dan maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kekhilafan sepanjang pengendalian penganjuran Pertandingan Debat Alam Sekitar ini oleh pihak kami. Kepada semua para pendebat yang berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir pada petang ini, saya ucapkan tahniah dan selamat bertanding buat semua. Apa yang pasti tiada menang ataupun kalah di dalam pertandingan ini, kerana pemenang sebenar adalah kejayaan kita semua untuk memastikan alam sekitar yang kita sayangi ini terus terpelihara dan dilindungi untuk kelangsungan tamadun manusia dan generasi akan datang.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullah.